

# Kerajaan siasat pemaju JIP

KUALA TERENGGANU, Ahad — Kerajaan akan menyiasat latar belakang syarikat yang terbabit melaksanakan projek Taman Antarabangsa Jerai bernilai RM17 bilion di Kedah bagi memastikan ia tidak menjejaskan rakyat dan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan juga akan meneliti kesesuaian projek itu serta mendapatkan reaksi rakyat terhadap cadangan pelaksanaannya.

Beliau berkata demikian selepas menutup Se-

minar Islam dan Pembangunan Terengganu di sini petang ini.

Beliau mengulas cadangan kerajaan negeri Kedah untuk mengambil alih 2,520 hektar tanah persendirian di daerah Kuala Muda dan Yan bagi dijadikan Taman Antarabangsa Jerai.

Ditanya sama ada projek itu perlu dilaksanakan, Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat tidak ada garis panduan kepada kerajaan negeri berhubung projek sedemikian.

Menurutnya, mana-

mana kerajaan negeri yang mampu dari segi kewangan boleh berbuat demikian.

"Tetapi kalau (kerajaan negeri) pergi cari syarikat yang cuma ada modal RM2, tak payahlah dia buat projek bernilai RM17 bilion," katanya.

Sementara itu, ditanya sama ada Kerajaan Pusat akan mengaudit akaun kewangan semua kerajaan negeri seperti yang akan dilakukan ke atas pentadbiran Sabah sewaktu pemerintahan Parti Bersatu Sabah (PBS) sejak 1985, Perdana Men-

teri berkata, ia akan dilaksanakan jika difikirkan perlu.

"Kita memang mengaudit kerajaan negeri lain sepanjang masa tetapi kita dapati di Sabah, dia (kerajaan negeri PBS) memindahkan semuanya kepada Yayasan Sabah.

"Yayasan Sabah pula tidak terletak di bawah audit kita (Kerajaan Pusat) dan dengan itu, kita tak tahu apa sebenarnya berlaku.

"Semua tanah balak, umpamanya, diserahkan kepada yayasan itu," katanya.